

KUASA MEDIA BARU MENGGEMPUR PERUBAHAN BENTUK DAN KANDUNGAN EKOPOSIAL DI ASIA TENGGARA—SATU PEMBACAAN *FUTURE STUDIES*

ABU HASSAN HASBULLAH

ABSTRACT

The rise of new media raises the vexing question of why it has influence in readership. In some ASEAN countries it has managed to topple the stratum of reliability and credibility of the traditional media. The article argues and underlines the situation in some ASEAN countries. Two key factors were discussed—the contradiction of information gravity between the new media as communication pluralism and the traditional media as singularism communication. Blogosphere increases the outlet in ecopocial discourse especially political information in the form of forum and public debate.

Keywords: *new media, tradition media, Internet, weblog, blogosphere, ecopocial, future studies*

PENGENALAN

Internet telah menjadi semacam “agama baru” bagi abad ke-21 dan buat abad-abad masa depan, yakni mengambil alih kepercayaan yang sama yang pernah diberikan pada televisyen sebaik mesinnya GE Octagon dicipta pada tahun 1928 dan di sepanjang abad 20, ketika budaya penghidupan manusia dibentuk dan terbentuk dari kesan-kesan pengaruh yang terpancar melalui skrin kaca ini. Meski peranan televisyen kelihatan masih kuat namun kedudukannya sebagai media yang paling berpengaruh dan berkuasa, yang dipercayai oleh masyarakat manusia sebagai maha narasumber informasi telah mengalami bukan sedikit kejatuhan nilai kepercayaan apabila Internet dengan seluruh rangkaian gravitas saitek (sains-teknologi) seperti Enjin Carian (*Search Engine*, misalnya Yahoo, Google), Browser seperti *Windows Explorer*, *Safari*, *Netscape*, *AOL*, *Looksmart*, *Lycos*, *Flock*, *Opera*, *Mozilla Firefox* dan lain-lain; Situs (*Website*), *Portal*, tentunya yang paling cepat mengambil alih peranan amalan media tradisi ialah *E-Mail*, dan *Weblog* serta jaringan-jaringannya seperti *Chat/Messenger*, *Guestbook*, *Comments*, *ShoutBox/ShoutMix*, yang disertakan dengan aplikasi-aplikasi organisasi atau komuniti melalui sistem *Groups*, *Forum*,

contohnya *Yahoo Groups*, *Dotmac Groups*, *Google Groups* telah membangunkan sebuah cara menguruskan penghidupan yang serba baru dan luar biasa dengan keupayaan menjana dan menjenterakan pembentukan dan penyebaran informasi secara lebih terbuka, tertebar, dan terluas tanpa mempunyai sebarang sempadan lagi (Slaatta and Sæbø, 1997: 47-83).

Kuasa dan pengaruh Internet ini diperkasakan lagi dengan kebolehan-kebolehan dan kekuatan-kekuatan alternatif media yang diadikarakan daripada peranan-peranan media tradisi iaitu percetakan (akhbar, majalah, buku) dan elektronik (radio, televisyen dan filem) melalui jentera siberisme seperti *MySpace*, *Friendster*, *Facebook*, yang bersifat komuniti; *Twitter*, *del.icio.us*, *Magnolia*, yang bersifat jaringan persuratkhabaran; *Flickr*, *YouTube*, *WebTV*, *iTunes*, *DailyMotion*, *Metacafe*, *Vimeo*, *OurMedia*, dan lain-lain yang bersifat penyiaran personal yang dapat menyebarluaskan naskhah gambar atau grafik, filem, radio dan televisyen secara berulang-ulang tanpa mempunyai halangan lagi dari aspek waktu, tempat, sasaran termasuk ideologi dan dasar yang menjadi ciri dalam dan tanggungjawab gerakan media tradisi (Braman dan Sreberny-Mohammadi, 1996: 1). Internet telah mencetuskan kebangkitan media baru dengan mencetuskan sibersfera/cybersphere, iaitu bentuk dan kandungan informasi tersebut dapat dilakukan secara serentak, dalam segala sistem, cara dan kaedah pekerjaan penyebarannya. Ini disokong oleh terciptanya aplikasi-aplikasi atau jentera multimedia yang menjayakan projek penyebaran informasi tersebut berdasarkan sikap dan rupa kandungannya seperti *Podcast*, *QuickTime*, *Windows Media Player*, *RealPlayer*, *Winamp* dan termasuklah suatu bentuk media baru yang mula menonjolkan kebolehannya untuk menguasai perusahaan media pada masa depan, iaitu weblog atau blog yang sifat sistem dan bentuk operasionalnya telah mengubah malah mengatasi media-media tradisi. Blog nyata lebih sempurna pola komunikasinya (Rainie, Fox dan Fallows, 2003: 96-101) kerana cara bekerjanya yang berbagai-bagai dan paripurnanya bukan sahaja terletak pada kandungan berita, ulasan dan rencana tetapi ruang yang memberikan peluang kepada komen, kritikan, cadangan dan pandangan berlaku serentak dan komunikasi tidak lagi stagnan satu hala, tetapi plural. Semua ini sudah pun diimpikan dalam pandangan-pandangan futuristik sebermula pembangunan saitek telekomunikasi dan telah diperjelas secara lengkap akan kemungkinan terjadinya suatu perang informasi yang mengubah sifat dan sikap terhadap kebudayaan, kepercayaan dan kehidupan sejagat (bandingkan Bertolt Brecht & Etzioni, 1972: 457-474)

Kuasa media baru dalam membangunkan kepercayaan dan kebudayaan baru masyarakat manusia tercetus dengan lengkap apabila pada waktu yang sama produk-produk atau peralatan dan perkakasan, gajet-gajet atau material komunikasi berteknologi tinggi dipasarkan seperti *Mobile / Smart Phone* seperti *iPhone*, *iPod*, *PDA*, dan dilengkapi dengan sistem-sistem digital seperti *SMS (Short Message Service)*, *MMS (Multimedia Messaging Service)*, *GPS (Global Positioning System)*, *GPRS (Global Packet Radio Service)* dan teknologi telekomunikasi tanpa wayar, iaitu *WAP (Wireless Application Protocol)* seperti *WiFi (Wireless Fidelity)*, *Bluetooth*, *Tube* dan yang paling terkini serta akan menjadikan secara holistiknya kedinamikan budaya dan ekoposial berubah apabila sistem *WiMAX/IEEE 802.16 (Metropolitan Area Networks)* dibangunkan. Misalnya mulai Jun ini, kota raya Kuala Lumpur, Malaysia akan menjadi metropolis pertama di Asia malah di dunia apabila sistem *WiMAX/IEEE 802.16 (Metropolitan Area Networks)* akan dibangunkan sepenuhnya.

Ini bermaksud setiap orang, di mana sahaja ruang dan lapangan kota raya Kuala Lumpur akan dapat beraksesiar (*access and broadcast*) informasi. Kuala Lumpur akan menjadi metropolis sibersfera yang beroperasi sepenuhnya, dan Internet akan menjadi nadi segala kegiatan ekoposial kotabangsa Malaysia ini.

Produk media baru ini yang secara fiziknya lebih kecil, ringan dan mudah alih serta kepelbagai bentuk, sistem dan teknologi serta tersangat adiwibawa dalam teknologi informasi menjadikan citra komunikasi manusia berubah sama sekali; komunikasi yang dahulunya terbatas oleh sempadan masa dan ruang termasuk geografi sudah langsungnya sangat-sangat terbuka dan tidak terbatas. Setiap orang yang sememangnya mempunyai hak dalam komunikasi dan berhak atas media telah beroleh hak tersebut yang selama ini tidak terjamah apatah untuk bersama-sama menyertainya di sepanjang zaman kekuasaan media tradisi. Media baru telah membantu pertumbuhan kecekapan, kebijakan dan keadilan komunikasi yang memberi kesan makro terhadap hak-hak asasi manusia.

Media baru bukan sahaja telah mengambil alih dan menukar nilai kepercayaan terhadap media tradisi, seperti akhbar dan televisyen, malah turut mencatur-susun pola-pola kepercayaan dan melangsungkan transformasi struktural terhadap sistem hidup manusia. Ini disebut oleh Jürgen Habermas sebagai kesan-kesan besar yang terjadi dari teknologi-teknologi media baru dan kehidupan intelektual manusia; *the Internet ‘weakens the achievements of traditional media’, since in the online environment ‘contributions by intellectuals lose their power to create a focus’* (Habermas, 1989: 201). Habermas dalam ucapannya semasa menerima Anugerah Bruno Kreisky Prize, 2006 telah menegaskan bahawa teknologi media baru adalah digerakkan oleh satu jentera paling berpengaruh iaitu “Internet” —*a metaphor for the entire new media environment* (teksnya boleh dibaca di www.signandsight.com/features/676.html). Maksudnya, media baru menawarkan segala kemungkinan komunikasi berfungsi sebagai perencana pemaknaan ekoposial.

SINGULARISME VERSUS PLURALISME


... public spaces of collective sense-making. Public space is not a sphere and it is not homogeneous... Instead, it is a heterogeneous space, populated by very different kinds of actors who come into being and through their interactions create the many dimensions of the space itself... We develop a notion of publics as distinctive combinations of social networks, protocols and technologies

(Girard, Stark 2006: 187-197)

Kecepatan dan kekuatan pengaruh mondial atau mundus yang menjangkaukan media baru (Internet dan seluruh rangkaian gravitas teknologi multimedia dan digital) akhirnya telah menjadi jantung dan pengatur proses dan lalu lintas globalisasi serta pencorak kebudayaan penghidupan manusia sejagat. Justeru itulah media baru telah menjadi sarana komunikasi yang mengalami perkembangan terpesat dalam sejarah tamadun manusia, dan Internet serta rangkaian gravitas saitek media siber telah merajai dunia media massa, sekali gus mendayabima

zaman penghidupan sejagat tanpa sempadan dan langit terbuka, dan kehidupan yang kepelbagaian.

Rajah 1:
Statistik gunaan Internet sedunia bagi tempoh Januari—Mac 2008



Sumber: Zentrum Future Studies Malaysia (www.zentrum.uni.cc)

Perkembangan perusahaan media baru dunia meningkat hampir 40 peratus setiap tahun, dengan pertumbuhan potensi penggunaan mengikut benua di antara 150 peratus hingga 1200 peratus, dan di Asia mencapai tahap hampir 370 peratus bagi tahun 2008. Peningkatan di Asia ini telah melonjakkan pencapaian strata penggunaan di negara-negara Asia Tenggara, atau ASEAN. Kadar pertumbuhan penggunaan media baru di dunia yang meningkat di antara 40 hingga 60 peratus setahun turut mendorong kepantasan perkembangan perusahaan media baru di Asia Tenggara, yang dianggarkan akan mencapai strata perkembangan hampir 500 peratus menjelang 2010 dan berada pada strata kepenggunaan total per demografi menjelang 2018 khususnya di beberapa buah negara yang telah mengalami kepesatan pertumbuhan ekonomi media baru iaitu Indonesia, Thailand, Malaysia, Singapura dan Vietnam. Perkembangan ini, sekira perangkaan bagi Asia Tenggara dipisahkan dari perangkaan bagi Asia maka, strata penggunaan dan perkembangan industri media baru ASEAN ialah di tangga keenam selepas Asia Utama, Eropah, Amerika Utara, Amerika Latin dan Asia Barat. Secara *future studies*, menjelang 2018, negara-negara Asia Tenggara akan berada dalam adiluhung sibersfera di mana segala aktiviti ekposial adalah dijenterakan oleh media baru, dan kegunaan Internet sebagai sistem yang membangunkan semua sisi dan posisi ekposial mencapai tahap tertinggi.

Lonjakan besar peralihan gunaan dari media tradisi khususnya akhbar, majalah dan televisyen pada media baru, khususnya rangkaian media yang dipacu oleh Internet (www) dan telekomunikasi yakni telefon mobile (*handphone / smartphone* / telefon bimbit / telefon genggam) turut merancakkan semula pola kepercayaan media sejagat, termasuk di Asia Tenggara. Yang dimaksudkan dengan pola kepercayaan yang turut akan berubah dari transformasi gunaan media ini adalah strata peletakan nilai percaya terhadap sistem, bentuk dan kandungan di dalam

media seperti traktat-traktat etika, misalnya nilai informasi iaitu benar, tepat, lengkap, jelas, liberal, demokratis termasuk nilai negatif seperti hasutan, tuduhan, prasangka, bias/berat sebelah, berpihak, prejudis dan sebagainya. *New ICTs are thus simply a new venue for information provision to the citizen consumer* (Needham, 2004: 43-69; Åström, 2004: 96-115).

Jadual 1:

Statistik gunaan Internet sedunia perbandingan dengan populasi penduduk bagi tempoh Januari—Mac 2008

Region	Indeks Gunaan Internet Dunia dan Statistik Populasi Penduduk					
	Populasi	Peratus populasi	Gunaan internet	Peratus Penetrasi	Peratus gunaan sedunia	Peratus Perkembangan dari 2000-2008
Afrika	955,206,348	14.3 %	51,022,400	5.3 %	3.6 %	1030.2 %
Asia	3,776,181,949	56.6 %	529,701,704	14.0 %	37.6 %	363.4 %
Eropah	800,401,065	12.0 %	382,005,271	47.7 %	27.1 %	263.5 %
Asia Barat	197,090,443	3.0 %	41,939,200	21.3 %	3.0 %	1176.8 %
Amerika Utara	337,167,248	5.1 %	246,402,574	73.1 %	17.5 %	127.9 %
Amerika Latin/Carribean	576,091,673	8.6 %	137,300,309	23.8 %	9.8 %	659.9 %
Australia/Oceania	33,981,562	0.5 %	19,353,462	57.0 %	1.4 %	154.0 %
Jumlah	6,676,120,288	100.0 %	1,407,724,920	21.1 %	100.0 %	290.0 %


Sumber: Zentrum Future Studies Malaysia (www.zentrum.uni.cc)

Jumlah penggunaan Internet dunia, adalah hampir sama dengan jumlah penggunaan perkakasan teknologi media baru seperti telefon selular / *mobile phone* termasuk gajet-gajet tanpa wayar seperti iPod dan pemain MP3, MP4 dan pemain video digital iaitu seramai 1,407,724,920 dalam suku pertama tahun 2008, dengan kadar peningkatan yang sangat luar biasa khususnya di beberapa region seperti Asia, Amerika Latin/Carribean, Afrika dan Asia Barat. Asia menjadi pasaran penggunaan terbesar Internet dan media baru kerana faktor populasi yang lebih besar dengan region-region yang lain dan juga kesan daripada lambungan ekonomi, dengan China, India dan negara-negara Asia Tenggara melalui perkembangan ekonomi yang paling tinggi berbanding negara lain. Kepesatan perkembangan industri media baru yang ditunjangi oleh pembangunan prasarana dan teknologi Internet telah membawa pada pertumbuhan pasaran perusahaan media baru di Asia Tenggara dan membentuk lingkaran kuasa informasi baru dalam sistem penghidupan masyarakat dan pengurusan ekoposial.

Media baru telah membina posisi yang sangat kuat dalam proses pembentukan ekposial dunia melalui citra pengaruh sebagai media yang cepat dan tangkas, serta mengetengahkan paripurna kemedian yang lebih terbuka (*openness*) dan berkesan (*effectiveness*) melalui bentuk yang lebih bebas, mudah dan memiliki gravitas komunikasi secara plural berbanding media tradisi yang masih terkongkong oleh sikap-sikap memelihara kepentingan pemilik, dasar yang telah diagendakan berdasarkan kepentingan pemilik, dan kawalan-kawalan alasan keselamatan nasional di samping bentuk dan sistem media tradisi yang singular, atau satu arah. Sebaik dunia memasuki alaf 21, zaman kuasa informasi menjadi dominan dalam mempengaruhi sistem ekposial termasuk budaya, maka keperluan untuk mempunyai operasi komunikasi yang lebih tangkas, pelbagai dan maha-transformatif begitu mendesak yang membawa pada perlumbaan mereka cipta saitek media baru, yang bukan sahaja dari fiziknya melengkapkan proses komunikasi menjadi ringan, mudah dan lumrah, juga keinginan mengguna membangunkan keupayaan untuk berada dalam proses komunikasi secara bersama. Pengguna melalui media baru telah memposisikan peranan dan keterlibatan dalam membentuk pengaruh dan kepercayaan; *processes of communication, particularly electronic communication, are fundamental to the current transformation of capitalism; and this is reflected in names such as "The Information Society" or "The Knowledge Society."* A political economy of communication, therefore, challenges the pure economic logic of this transformation and enables us to enquire, critically, about the relation of that transformation to social class, gender, race, and place; and more fundamentally, as Golding and Murdock stress, about "justice, equity and the public good" (Golding & Murdock, 2000: 73).

Rajah 2:

Statistik gunaan Internet sedunia – Anggaran seramai 1,407,724,490 pengguna bagi suku pertama tahun 2008



Sumber: Zentrum Future Studies Malaysia (www.zentrum.uni.cc) dan MINIWATTS Marketing Group, USA, dan Zentral –und Landesbibliothek Berlin

Media tradisi adalah media singular. Bentuk, sistem dan kandungannya singularisme. Maksudnya keseluruhan cara menguruskan perusahaan media tradisi

tersebut adalah secara satu arah, atau sepihak, yakni tidak berlakunya malah tidak akan berlakunya proses transformasi komunikasi secara bersama dan serentak, sebaliknya cuma ada satu fungsi, iaitu daripada penyampai kepada penerima (Carey, 1989: 187). Sikap perusahaan dan komunikasi media akhbar, majalah, buku, radio, televisyen dan filem begitu monokratis, dengan ciri-ciri efektif perkongsian informasi secara keterbukaan dan tindak balas pelbagai hala boleh dikatakan tidak berlaku sama sekali (Dahlgren, 2001: 64-88) Dengan kata lain proses singular media tradisi tidak memungkinkan proses penilaian, pemeriksaan, penghujahan dan perkongsian saling informasi terjadi. Dengan kata lain kemungkinan untuk massa menjadi penyampai secara serentak ketika menjadi penerima informasi tidak mungkin berlaku. Dalam zaman-zaman budaya ekoposial khususnya politik yang lebih autokratik dan ‘autoritarian’ media singular mempunyai pengaruh dalam mencetuskan kepercayaan dan kebudayaan kerana proses penghidupan pada zaman sebegini adalah dikawal dan diatur-bentuk secara tiada pilihan. Maksudnya, bagaimana kita menonton televisyen, maka kita tidak akan mempunyai ruang untuk membolehkan peluang berkomunikasi serentak pada waktu peristiwa penginformasian itu terjadi sebagaimana kepolitikan satu arah dalam period Stalin-Lenin-Tito di negara-negara (dulunya) Eropah Timur. Bagi sebuah politik autokratik dan kuku besi, atau diktatorian yang singularismenya begitu fanatik, maka media tidak berkembang dan tidak mempunyai keupayaan kreatif dan kritis (Habermas, 1989: 43) untuk memposisikan peranan dalam pelbagai sisi, sebaliknya sekadar sebuah upacara penyampaian perintah yang telah ditetapkan justifikasinya iaitu taat dan percaya. Perkembangan pola-pola nilai, bentuk dan kandungan dalam informasi, komunikasi hatta hal ehwal menguruskan ekoposial negara serta fungsi dan misi media (Habermas, 2003: 86-100) tidak banyak boleh berkembang dengan perubahan-perubahan, sebaliknya stagnan sebagai medium abadi yang menyokong perintah atau pemerintah. Media tradisi benar-benar terkongkong, dan keupayaan untuk lebih dinamik lagi tidak ada (Jankowski, 2007: 276).

Meskipun media tradisional tidak memungkinkan peristiwa transformasi informasi terjadi dalam kepelbagaian arah, bentuk, nilai dan kandungan dengan massa berfungsi sebagai penyampai dan penerima secara serentak, kekuatan pengaruhnya terletak di atas kuasa pembentukan budaya. Media tradisi menjadi medium penyebar budaya. Para pemacu media tradisi, baik sebagai wartawan, penerbit, perantara, juruhebah (DJ), artis-artis, sutradara, pelawak, pembaca berita, telah menghasilkan acara-acara menyebar budaya dari semasa ke semasa. Kedudukan media tradisi yang dikawal berasaskan kepentingan-kepentingan komersialisasi atau ideologi, dan hak kepercayaan sebagai sebuah perusahaan membawa media tradisi menggunakan ruang singular tadi sebagai suatu kuasa utama sebagai sumber penyebar budaya (Bronner, Stephen dan Douglas Kellner, 1989: 67-89). Proses budaya disebar ini menjadi lebih mudah kerana singularisme tadi, iaitu ruang-ruang perbahasan dan penilaian sama ada nilai dan bentuk yang dibawa itu positif atau negatif (Friedman, 1993: 45-51) terhadap aspirasi dan tamadun tidak berhasil pada saat acara-acara itu disebarluaskan. Sekira ada peristiwa yang berlaku selepas berakhirnya acara-acara itu dan saat massa menjadi peduli pada kesan dan akibatnya. Namun protes dalam bentuk apa-apa pun oleh masyarakat sudah pun terlewat dan media tradisi benar-benar berjaya sebagai agen penyebar kepercayaan dan kebudayaan. *Radio, Televisyen, film, and the other products of the*

culture industries provide the models of what it means to be male or female, successful or a failure, powerful or powerless (Douglas Kellner, 1995: 1), dan yang kemudiannya disebut budaya media.


Bagi media baru, kekuatan yang ada pada media tradisi juga terkandung dalam sistem, bentuk dan prinsip asas sebagai medium komunikasi. Namun media baru yang dijenterakan oleh Internet (siber/www), dalam bentuk apa-apa pun teknologinya, dari *Smartphone* ke *iPhone*, dari *iPod* ke *iWatch* kekuatannya terletak pada cara bekerjanya yang plural. Ciri, sistem, bentuk dan kandungan media baru adalah begitu kepelbagaian, beragam-ragam dan mempunyai metode beroperasi atau kandungan perusahaannya yang berbagai arah, hala, cara, dan amalan; atau pluralisme. Perusahaan media baru bukan lagi bersifat organisasi, sebaliknya bersifat pluralisme individual. Setiap orang yang mempunyai *iPhone*, atau *iPod*, atau *Notebook* boleh terlibat secara sepenuhnya dalam komunikasi dan berkuasa dalam membentuk dan menyebarkan informasi. Dalam erti yang lain, bagi media baru, setiap orang sudah pun mempunyai peranan dan boleh berfungsi sebagaimana sebuah organisasi berperanan dan berfungsi dalam menguruskan media tradisi. Setiap individu boleh menjadi penerbit, penyampai, penulis, wartawan, sutradara, perantara, panel dan segala macam lagi fungsi, dan dalam masa yang sama menjadi pembaca, pengkritik, pengulas dengan menyampaikan komen dan pandangan secara serentak pada waktu informasi itu diterima atau disebarluaskan. Kejagatan peranan individual ini, secara sistemnya telah menghasilkan suatu kumpulan organisasi, dan inilah yang dikatakan sebagai pluralisme.

Pluralisme media baru bukan sahaja merujuk kepada kepelbagaian jentera atau perkakasan dari teknologi media baru tersebut seperti gajet-gajet dan produk komunikasi, atau telekomunikasi sebaliknya menghuraikan tentang di dalam sistem media baru proses komunikasi adalah terjadi secara kebersamaan individual. Kebersamaan individual atau kompleks individual ini akan menyebabkan bentuk dan kandungan media baru juga pelbagai dan bermacam-macam, pluralisme. Sistem yang plural akan mencetuskan kandungan yang plural, dan kandungan yang plural akan menghasilkan kesan dan akibat yang juga plural. Pluralisme dalam media baru menjadikan media baru sangat-sangat berkuasa kerana cara pekerjaan industrinya yang bertaburan, bertebaran, dan dikawal oleh setiap individu yang berfungsi dalam media baru tersebut. Bayangkan di Malaysia yang dianggarkan sejumlah 13 juta dari 24 juta populasi penduduknya memiliki media baru sebagai media informasi, sama ada sekadar memiliki *Handphone* atau ke tahap mempunyai sistem media baru yang lengkap seperti *Notebook* dan *Smartphone*, dan semua daripada 13 juta itu adalah penggerak, pemacu dan pemilik industri media baru dan berfungsi sepenuhnya dalam gerakan informasi. Ini bermaksud di Malaysia sahaja sudah ada 13 juta media dengan 13 juta pengusaha dan penguasa media. Maka yang 13 juta inilah yang akan membentuk dan menyebarkan informasi dan ia berlaku bukan sehala tetapi pelbagai hala yang memungkinkan secara *future studies* sekitar 3 hingga 5 putaran penyebaran dan pembentukan. Maksudnya satu informasi yang tersebar dari 13 juta, dalam tempoh yang sangat mikro kerana sikap media baru juga iaitu gerakan informasinya berlaku berulang alik dalam waktu yang sangat cepat, misalnya sebanyak 4 pusingan kitaran penyebaran dan pembentukan bagi setiap saat maka jumlah informasi adalah sebanyak 54 juta sesaat. Pelbagai pola bentuk, kandungan dan nilai (Fan, Jasperson, Shah, Watts, dan Faber, 1998: 205-254).

Pluralisme media baru yang dibentuk oleh perkembangan terpesat saitek informasi khususnya saitek Internet, melalui rangkaian teknologi siber seperti WiFi dan WiMAX (sibersfera) telah mengembangkan lagi pengaruh kuasa informasi dengan anggaran pertumbuhan sibersfera di Asia Tenggara adalah sekitar 67 hingga 87 peratus menjelang suku pertama tahun 2010 (Newman, 2003: 167-256). Jumlah peningkatan penetrasi media baru, termasuk gajet-gajet popular di negara-negara ASEAN dijangkakan mencapai paras 56 peratus, seperti yang dibincangkan oleh *Zentrum Future Studies Malaysia* (Zentrum), iaitu anggaran seramai 60 hingga 120 juta pengguna menjelang tahun 2010, dengan perolehan pasaran sebanyak 38 hingga 118 bilion Ringgit Malaysia. Target pertumbuhan ini diasaskan pada rencana pembangunan wilayah ekonomi baru di semua negara ASEAN, yang merupakan region pertumbuhan ekonomi paling pesat di Asia selain China dan India. Terpesatnya dan meledaknya penggunaan media baru di Asia Tenggara akan menjadikan pengaruh pluralisme media baru memberi gugatan dalam proses-proses pencitraan ekoposial setiap negara ASEAN, dan tidak mustahil bermula 2008 banyak keputusan dalam peristiwa ekoposial, khususnya politik adalah akibat dari kesan-kesan pluralisme media baru. Kuasa pluralisme media baru yang ditunjangi oleh kuasa sibersfera ini menyebabkan segala bentuk kepercayaan penilaian, pengukuran, pengujian dan ‘civil opinion’ yang menjadi asas pengukuran dalam sistem media tradisi sudah tidak tepat dan tidak boleh dipercayai lagi. Ini kerana pluralisme media baru akan turut membentuk masyarakat yang mudah berubah dari sistem kepercayaan sedia ada (Splichal, 1999: 115), khususnya pluralisme media baru akan membolehkan informasi-informasi tersebar tanpa boleh dikawal lagi, kerana Abad 21 itu sendiri sebagai abad informasi telah menyebabkan penghidupan berlangsung dalam kepercayaan tanpa sempadan dan langit terbuka (Tehranian, 1990: 233-237). Media baru + sibersfera yang pluralisme telah mencipta vesuvius hegemonia baru yang mengikut pandangan *future studies* akan mempengaruhi semua keputusan hal-ehwal ekoposial akan datang (Abu Hassan Hasbullah, 1998: 13).

Rajah 3:

Statistik visual metode Venn gunaan media baru dan media tradisional di negara ASEAN bagi suku pertama tahun 2008



Data Rujukan: ● Media Blog ● Media Mobile ● Media Tradisi

Sumber: Zentrum Future Studies Malaysia (www.zentrum.uni.cc)

Visual Venn tersebut menggambarkan demografi geomedia penggunaan Media Baru dan Media Moden di negara ASEAN anggaran *future studies* bagi tahun 2010 berasaskan perkembangan pada tahun 2008, dengan statistik menunjukkan pertumbuhan sebanyak 75.9 juta bagi blog, dan 73.5 juta bagi media mobile dan kemerosotan sehingga ke paras 4.9 juta bagi Media Tradisi. Perkembangan perusahaan media baru, khususnya BLOG adalah satu bentuk pertumbuhan yang didorong oleh kepercayaan-kepercayaan yang telah digemabentukkan di sepanjang tahun 2008 hingga 2009, iaitu tentang kebolehan blog sebagai media baru mengambil alih peranan media tradisi khususnya akhbar, majalah dan televisyen (Barabási, 2000: 2116; Hindman dll, 2003: 67) kerana blog menawarkan kesemua bentuk dan kandungan media tradisi sebagai kandungannya dan pluralisme. Blog sendiri telah menunjukkan keberkesanannya peranan sebagai alternatif pada media tradisi sehingga perkembangan pengaruhnya adalah yang paling mendadak, dan ketangkasan media blog dalam menjenterakan sistem komunikasi dan informasi telah mengakibatkan perubahan kandungan kepercayaan masyarakat. Antara contohnya, sekira sebelum 2008 dulu, media tradisi misalnya akhbar terus-terusan dianggap sebagai sumber paling berwibawa: tepat, benar dan akademik sumber maklumatnya, mulai tahun 2008 kepercayaan itu telah berubah sama sekali kerana blog dianggap lebih ‘reliable’ dan ‘valid’ berbanding akhbar mahupun televisyen.

Sudah tentu peristiwa yang sungguh mencabar analisis ialah apabila media tradisi sudah tidak dipercayai lagi, dan naskhah-naskhah media tradisi sama ada bercetak atau televisyen dianggap setaraf tabloid dan komik; kecuali buku. Pernyataan yang semacam persepsi ini telah dibuktikan di dalam peristiwa pilihanraya umum Malaysia ke-12 (PRU12) yang berlangsung pada 8 Mac 2008 lalu. Keputusan pilihan raya itu jelas menunjukkan masyarakat Malaysia sudah tidak mempercayai media tradisi, dan blog telah memimpin media baru ke zaman serba baru, iaitu zaman informasi dibentuk, dan pluralisme. Arus balik kepercayaan terhadap media di sepanjang periode PRU12 adalah kesan langsung dari pembangunan non-henti oleh kerajaan Malaysia dalam sektor teknologi maklumat (*information technology – IT*) dengan kadar penetrasi Internet dan media baru di Malaysia adalah di tangga ke-28 di dunia dan yang ke-3 di Asia, dan yang tertinggi di Asia Tenggara, dengan kadar 60 peratus dari populasi penduduk. Kadar penetrasi Internet dan media baru yang tinggi ini menunjukkan perubahan total cara menangani informasi di Malaysia, dan dijangka menjelang 2010, kadar penetrasi akan mencapai tahap 80%.

Pluralisme sekali gus menganjurkan partikularisme; atau multiplisme telah membolehkan situasi-situasi dibentuk, dicitrakan dan disebarluaskan berbanding media tradisi dengan sikap ketunggalan dan akibatnya memudahkan lagi proses transformasi informasi berlaku. Dalam keadaan media tradisi di Malaysia yang begitu ‘dikawal’ dan ‘depositifkan’ maka sikap media baru yang lebih konstruktif dan *inseparable* menjadikan proses pendayaan semula kepercayaan terhadap informasi berlaku dengan lebih cepat dan meluas. Teknologi informasi ditentukan oleh penetrasi, atau kecapaian sumbernya, dan capaian yang tinggi akan lebih cepat membentuk pengaruh dan kepercayaan. Pengalaman PRU12 ini adalah rujukan secara *future studies* interpretasi keadaan di ASEAN.

We have argued in support of Krausz, and against the characteristic or orthodox association of singularism with realism, that, in the description of the natural world, multiplism may at times not only be compatible with objectivity, but compatible equally with both realism and constructivism, and that that pair may, on some interpretations be equally compatible with one another. What about the equally orthodox association of multiplism with culture? An obvious argument for orthodoxy is that culture is, by its nature, humanly constituted. A literary, or religious, or aesthetic tradition develops by reinterpretation, and as reinterpretations multiply and cohere into new structures of response or belief, so the entities that populate the discourses of culture change their nature or divide amoebically into daughter-entities. As long as we stay within the limits of a particular hermeneutic strategy singularism may seem to obtain; but the possibility of multiple, equally correct interpretations always lurks in what Jacques Derrida has taught us to call the margins of such discourse. The possibility of multiplism is inseparable from cultural discourse because multiplism is the lifeblood of such discourses: their principle of growth, development and self-transformation.

(Nikos Drakos, 1996; Ross Moore, 1999)

Jadual 2:

Rumusan *future studies* pola-pola mozaik pemilihan generasi baru (21 tahun – 41 tahun) dalam PRU12 berdasarkan 1500 responden bagi setiap negeri dikaji pada 20 Februari 2008 – 5 Mac 2008

Analisis “strata kepercayaan terhadap media”

Negeri / Media	Akhbar	Televisyen	Media Baru
Wilayah Persekutuan	174	229	1097
Perlis	642	165	693
Pulau Pinang	195	79	1226
Perak	453	273	774
Kedah	679	108	713
Selangor	454	54	992
Negeri Sembilan	683	205	612
Melaka	413	563	524
Johor	320	561	619
Pahang	257	633	610
Terengganu	622	117	761
Kelantan	175	18	1307
Sabah	699	409	392
Sarawak	306	572	622

Sumber: Zentrum Future Studies Malaysia (www.zentrum.uni.cc)


Pengaruh media baru khususnya kuasa Internet dalam menstrukturkan semula kepercayaan terhadap media di sepanjang PRU12 di Malaysia adalah petanda mahsul dari prinsip distribusi kepelbagaian, berbanding media tradisi yang singular dengan distribusi berpihak telah mencetuskan perubahan-perubahan dalam pola pemikiran, juga pentakrifan terhadap demokrasi yang demokratis.

Secara *future studies*, mahsul daripada perkembangan media baru dan Internet di Asia Tenggara, khususnya di beberapa negara seperti Malaysia, Indonesia, Vietnam, Thailand, Singapura dan Filipina akan turut membawa perubahan yang sangat ketara dalam opini publik, meski media tradisi khususnya televisyen masih mempunyai tahap asosiasi kumulatif yang tinggi dengan publik namun skala kepercayaan adalah menjunam. Ini ditunjukkan oleh pengaruh *e-readiness* (EU Media Directory, 2008) yang meningkat misalnya Singapura di tangga keenam di dunia iaitu dari 8.60% pada tahun 2007 ke 8.74%, Malaysia dari 5.97% ke 6.16% (tangga ke-3), Thailand dari 4.91% ke 5.22% (tangga ke-47), Filipina dari 4.66% ke 4.90% (tangga ke-55), dan Indonesia dari 3.39% ke 3.59 dan berada di tangga ke-69 di dunia. *E-readiness* yang tinggi akan menunjukkan prestasi gunaan Internet sekali gus media baru pada masa hadapan di ASEAN.

Rajah 4:

Rumusan *future studies* pola-pola mozaik pemilihan generasi baru (21 tahun – 41 tahun) dalam PRU12 berdasarkan 1500 responden yang dikaji pada 20 Februari 2008 – 05 Mac 2008

Analisis strata kepercayaan terhadap media – mengikut umur responden



Sumber: Zentrum Future Studies Malaysia (www.zentrum.uni.cc)

Jadual di atas pula menunjukkan skala kepercayaan terhadap media dalam kalangan responden/publik berusia 21 hingga 41 tahun, yang dikaji dalam period PRU12 di Malaysia, dan didapati dari 1500 orang responden berdasarkan kajian opini publik, pemerhatian kandungan Internet (situs/laman web, blog, portal, forum, guestbook, komen, dan akhbar online), serta perbandingan hipotesis media tradisi dan media baru maka di dapat angka-angka yang menunjukkan tahap kepercayaan pada

media baru khususnya dalam kalangan publik berusia 21 hingga 31 tahun adalah sangat tinggi. Kedudukan ini menggambarkan proses perubahan kepercayaan tadi, kerana media baru dengan konsep pluralisme dan informasi dibentuk, kekuatan informasi dibentuk adalah hubungan informasi tersebut dengan ciri-ciri budaya popular seperti persepsi, spekulasi dan provokasi yang mencetuskan aliran suasorie/persuasif yang tinggi. Media baru yang artikulatif ini tentunya akan turut menstrukturkan perubahan yang sama di negara-negara ASEAN yang lain terutama gerakan sebegini seperti creolisasi adalah gerakan yang sudah pun terjadi dalam globalisasi (Stewart, 2007: 36-47)

BLOGOSFERA—HEGEMONIA MEDIA BARU

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional's apathy towards the use of the Internet was a major contributor to its losses in the recent general election, a new study revealed. The study by Zentrum Future Studies Malaysia, conducted from Feb 20 to March 5 and involving 1,500 respondents aged between 21 and 50, showed that the alternative media had a big influence on voters. Universiti Malaya Media Studies department senior lecturer Dr Abu Hassan Hasbullah said in the recent election, BN lost in the "information war" due to its misjudgment on the importance of the alternative media. "Young people are relying more on these new alternative media rather than the conventional ones like newspapers and televisyenon," he said at a forum themed "Society and Media in the 2008 Election" yesterday. In the study, 64.5 per cent of those aged from 21 to 30 years trusted blogs and online media for reliable information compared with 23.1 per cent who relied on the televisyenon and only 12.4 per cent on newspapers. Of those between 31 and 40 years, 61.7 per cent believed that the information in the blogs and online media was true while 23.5 trusted the televisyenon and 14.8 per cent the newspapers. But the older generation, those who are from 41 to 50 years old, seemed to trust the traditional media more than the new media. "Realising how powerful the new media is, the opposition parties have used the opportunity since 1998 when the Internet started to penetrate the country." In the mid 2000, the opposition had more than 7,500 blogs and websites while the government had only three," said Abu Hassan who is also a researcher for the study. Newspaper columnist Datuk Johan Jaafar felt there was a need to have a critical thinking to deal with these new modern media. "This is a new influence that we need to carefully think of," he said.

(*New Strait Times*, 2 April 2008)

Weblog/blog adalah salah satu dari produk saitek media baru + Internet yang mula menunjukkan pengaruh besar dalam mencorakkan bentuk, sistem dan kandungan media masa depan memandangkan kecepatan perkembangannya sebagai medium informasi yang dipercayai masyarakat. "*The Net is ideally suited for a grassroots movement... that's what our generation wants*", kata Mark Pincus, pengasas Tribe Networks. Sifat weblog yang terbuka, independens dan mempunyai budaya sendiri membolehkan weblog berfungsi sebagai media alternatif yang artikulatif.

Weblog mempunyai nilai kepada kebangkitan maklumat yang lebih konstruktif, yang lebih kenyal, yang lebih berwibawa dalam mencetuskan pertembungan dan pengolahan ke atas nilai, identiti, dan membentuk penciptaan nilai dan identiti hasil dari keseimbangan *plus minus* idea yang tersampai lewat entri penulis dan respons pembaca. Weblog membuka frama pembebasan akal fikir dan akal rasa dengan kecepatan melebihi kudrat yang terdapat pada media tradisi atau media popular yang kebanyakan bergerak daripada satu pihak dan berpihak kepada satu pihak tanpa mempunyai hubungan timbal tindak balas pada masa informasi itu diberitahu. Bambi Francisco dalam blognya *The Bottom-up Net Society* ada menyebut bahawa '*the bottom up movement*' ialah "*just as storylines evolve based on the interactions of the people that make up reality TV, the Internet is a channel where ideas, processes, political agendas, or Web sites are less scripted, presented and disseminated in a top-down format, but rather discovered and given merit in a real-time show of virtual hands...*

Weblog sebagai fakulti baru di dalam sibersfera telah menonjolkan 'kebakatan, keupayaan, dan kepengaruan' yang cukup besar ke atas peranan-peranan menyebarkan informasi kepada massa secara lebih operasional dan konkret. Meskipun weblog terpenuh dengan 'epilogicus' pemperibadi namun sejak akhir-akhir ini batasan tersebut telah diuraikan. Weblog telah dibawa masuk ke arena media besar, yang bukan sahaja mencabar kredibiliti media tradisi seperti akhbar, majalah, dan penyiaran. Weblog yang telah mencapai kebangunan saitek terbaik dengan kebolehan mengindeksikal bahasa verbal dan visual secara interageratif akhirnya menunda harapan baru kepada misi kebebasan informasi. Weblog telah menjadi fakulti media yang menggerakkan reformasi akal fikir dan akal rasa dalam sejarah pemajuan media oleh manusia. Pengaruh weblog terhadap sistem komunikasi dan informasi nyata telah mencetuskan suatu sejarah baru apabila blog-blog telah menjadi sumber maklumat paling dominan dalam beberapa peristiwa besar di sepanjang suku pertama abad ke-21 ini.

Peranan ini ditandai oleh kemunculan blog sebagai media baru yang begitu berpengaruh dalam membentuk pluralisme kepercayaan sebaik media blog ini digunakan sebagai sumber informasi di sepanjang Perang Teluk, penaklukan ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat, pembunuhan Saddam Hussein dan anggota keluarga dan ahli politiknya, dan tentunya katastrofi terbesar dalam abad ini, iaitu tsunami 2004. Blog akhirnya menjadi zentrum gerakan kemanusiaan. Blog sebagai jentera media baru tentunya akan menjadi kuasa informasi baru di negara ASEAN yang dalam renstra membangunkan sibersfera dan perusahaan Internet.

Perang informasi, kemunculan sibersfera menguasai perusahaan media sedunia, dan '*warblogging*' adalah antara intipati budaya abad 21. Blog bukan sahaja menjadi budaya media baru malah telah hampir pasti mengambil alih peranan media tradisi dalam menguruskan adiluhung ekposisial kebanyakan negara terutama negara-negara yang penetrasi Internetnya sangat tinggi. 2 September 1998, apabila Dato' Seri Anwar Ibrahim, Mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia disingkirkan dari jawatannya dan diheret ke mahkamah atas tuduhan rasuah dan sodomi, dan kemudian nyata dipenjarakan, maka muncullah gerakan Reformasi Malaysia, dan dalam keadaan tidak ada satu pun ruang dari media perdana di Malaysia saat itu seperti *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *New Strait Times*, *The Star*, termasuk rangkaian televisyen, iaitu RTM, TV3 yang menyiarkan informasi sedikit berpihak pada beliau maka muncullah generasi baru para jurnalis bebas

dengan idealisme kewartawan baru atau kewartawan tanpa sempadan dan organisasi, merata-rata, yang meluahkan akal rasa dan akal fikir mereka khususnya dalam memperjuangkan keadilan buat Anwar Ibrahim, dan blog menjadi katalis terpenting sebagai sumber informasi alternatif mendukung gerakan-gerakan Pembebasan Anwar Ibrahim, Reformasi Malaysia, Hak Kebebasan Media dan sebagainya. Dan pilihan raya umum Malaysia ke-10 (PRU10) pada tahun 1999 adalah pilihan raya/pemilu pertama di Asia Tenggara, malah di Asia hatta di dunia di mana blog menjadi pemacu utama memainkan peranan politik dan bertindak sebagai saluran informasi alternatif yang mengemukakan prinsip kewartawan artikulasi dan pluralisme, serta informasi dibentuk. Puluhan laman web dan blog yang muncul saat itu bertambah berganda-ganda menjelang beberapa hari sebelum PRU10 sehingga memberi keputusan yang sedikit berpihak kepada oposisi. Oposisi berjaya mengambil alih tumpuk kerajaan di dua negeri/provinsi, iaitu Kelantan dan Terengganu. Blog akhirnya berjaya mengubah strata kepercayaan masyarakat terhadap media baru dan juga media tradisi sehingga secara spekulatifnya dapat dikatakan ketokohan Anwar Ibrahim misalnya, dan gerakan Reformasi 1998 serta politik oposisi sedikit pun tidak terjejas akibat daripada pembentangan dan pembentukan informasi oleh rangkaian blog dan media baru.

Jadual 3:

Statistik gunaan Internet ASEAN perbandingan dengan populasi penduduk bagi tempoh Januari – Mac 2008

Indeks Gunaan Internet ASEAN dan Statistik Populasi Penduduk						
Negara	Populasi	Gunaan Internet 2000	Gunaan Internet 2008	Peratus Penetrasi	Peratus Gunaan Di Asia	Peratus Perkembangan Dari 2000-2008
Malaysia	24,821,286	3,700,000	14,904,000	60.0%	3.2%	302.8%
Indonesia	234,693,997	2,000,000	20,000,000	8.5%	4.3%	900.0%
Singapura	4,553,009	1,200,000	2,421,800	53.2%	0.5%	101.8%
Thailand	65,068,149	2,300,000	8,465,800	13.0%	1.8%	268.1%
Brunei	374,577	30,000	176,029	47.0%	0.0%	486.8%
Filipina	91,077,287	2,000,000	14,000,000	15.4%	3.0%	600.0%
Kemboja	13,995,904	6,000	44,000	0.3%	0.0%	633.3%
Vietnam	85,262,356	200,000	18,226,701	21.4%	3.6%	9,013.4%
Myanmar	47,373,470	1,000	300,000	0.6%	0.1%	29,900%
Laos	6,521,998	6,000	25,000	0.4%	0.0%	316.7%
Jumlah Seluruh Asia	3,733,783.474	114,304,000	510,478,743	13.7%	100.0%	346.6%

Sumber: Zentrum Future Studies Malaysia (www.zentrum.uni.cc)

Sedangkan saat itu di pihak pemerintah, iaitu Parti Barisan Nasional (BN) hanya mempunyai sekitar 1 hingga 2 naskhah blog berbanding pihak oposisi, iaitu Parti Barisan Alternatif (BA) sekitar 200 hingga 1000 naskhah laman web/blog yang alirannya berpihak pada mereka. Dengan kata lain kemunculan media siber melalui situs dan blog telah membentuk blogosfera yang nyata kuat dan kukuh dalam menzahirkan pula kewujudan sumber informasi alternatif, dan sumber informasi ini benar-benar memungkinkan perubahan-perubahan dalam sistem membentuk kepercayaan dalam Abad 21 apabila jaringan siberisme dan sibersfera akan bertambah maju dan terbuka, serta penetrasi medianya lebih meluas. Pengalaman kebangkitan media baru di Malaysia pada tahun 1999 ini adalah kesan langsung dari sikap dan bentuk media tradisi yang singular, yang terkongkong oleh kuasa pemilik dan pemerintah dengan kandungan informasi yang pada pandangan masyarakat, tidak adanya kepedulian hak asasi untuk bebas bersuara.

Pilihan raya Presiden Amerika Syarikat pada tahun 2004 pula adalah pilihan raya presiden Amerika Syarikat yang pertama blog memainkan peranan utama. Meski blog telah dikenali sejak 1997 (en.wikipedia.org/wiki/Weblog) media baru ini tidak pernah muncul sebagai pamacu yang penting hatta ketika peristiwa 9/11 terjadi, sehinggalah apabila blog menjadi suatu komuniti yang bercakap dari sudut pandang yang luar biasa daripada kelumrahan yang kedapatan dalam media tradisi sebaik Amerika mengirimkan bala tentera memerangi dan menjajah Iraq, yang menyaksikan kesan langsung kebangkitan saluran alternatif di seluruh dunia, dan Internet telah mempercepatkan proses itu terjadi dan sebaik munculnya abad 21 yang dikenali sebagai abad perang informasi, blog termasuk laman web dan seluruh rangkaian kandungan dalam sibersfera telah muncul sebagai media yang popular dan proliferasi. Merujuk pada laporan yang dikemukakan oleh Pew Internet & American Life Project yang diterbitkan pada Januari 2005, 32 juta daripada penduduk Amerika membaca blog. Walaupun, 62% daripada pembaca online di Amerika tersebut masih belum mengetahui apakah sebenarnya weblog (www.pewInternet.org/PPF/r/144/report\display.asp). Laporan yang sama menunjukkan rakyat Amerika berpindah ke Internet sebagai sumber informasi khususnya yang berkaitan dengan politik ialah 63 juta dalam pertengahan tahun 2004 berbanding 30 juta pada Mac 2000.

Petunjuk ini hampir sama, iaitu sebelum 1999, boleh dikatakan hanya 3 peratus rakyat Malaysia terdedah dengan Internet sebagai sumber informasi dengan kadar 10 ribu hingga 20 ribu sahaja, khususnya yang berpusat di Kuala Lumpur dan beberapa kota besar. Bermula pada tahun 1999 peningkatannya mendadak dan dianggarkan di sepanjang 2000 hingga 2004 telah menjangkau hampir 3 hingga 5 juta pembaca. Petunjuk yang sama berlaku di Indonesia sebaik terjadinya Reformasi 1998, dengan peningkatan jumlah penggiat Internet sehingga 1000% daripada 2 juta pengakses kepada hampir 20 juta pengakses, dan keadaan ini turut melanda Filipina dan Thailand. Dengan kata lain Internet di sepanjang 1999, 2000 hingga 2004 telah membentuk Lingkaran Reformasi di Asia Tenggara yang membawa perubahan geopolitik ASEAN seperti yang terjadi di Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam.

Recognizing the importance of blogs, several candidates and political parties set up weblogs during the 2004 U.S. Presidential campaign. Notably,

Howard Dean's campaign was particularly successful in harnessing grassroots support using a weblog as a primary mode for publishing dispatches from the candidate to his followers. In the third quarter of 2003, Dean's campaign raised \$7.4, of a total \$14.8 million, via the Internet, with a remarkably modest average donation of under \$100.6 His fall was as spectacular as his rise, and was likewise fueled by means of the Internet, which served as an echo chamber for the infamous "Dean Scream." Although official campaign blogs played a lesser role in the Bush and Kerry campaigns, with the Bush campaign's blog being criticized as little more than a place to post press releases, both parties launched innovative online campaigns to boost their grass-roots efforts (Boutin, 2004).

Signal dari pengukuhan blog sebagai media baru paling utama dalam pencitraan ekoposial, khususnya berasaskan pengalaman di Malaysia sebagai zentrum penetrasi Internet dan media baru tertinggi dalam ASEAN, dan dibandingkan dengan kadar pengukuhan di Amerika Syarikat maka sudah tentu proses-proses ekoposial di sepanjang 2009 sehingga 2015, secara *future studies* adalah diupayabentuk oleh peranan yang dimainkan oleh blog. Ini ditunjukkan oleh statistik dari data terpilih, iaitu kedudukan gunaan blog sebagai sumber informasi berasaskan penetrasi dan integrasi dengan sistem komunikasi informasi tertinggi di dunia.

Universiti Malaya Media Studies department senior lecturer Dr Abu Hassan Hasbullah said in the recent election, BN lost in the "information war" due to its misjudgment on the importance of the alternative media.

"Young people are relying more on these new alternative media rather than the conventional ones like newspapers and televisyenon," he said at a forum themed "Society and Media in the 2008 Election" yesterday.

In the study, 64.5 per cent of those aged from 21 to 30 years trusted blogs and online media for reliable information compared with 23.1 per cent who relied on the televisyenon and only 12.4 per cent on newspapers.

Of those between 31 and 40 years, 61.7 per cent believed that the information in the blogs and online media was true while 23.5 trusted the televisyenon and 14.8 per cent on newspapers.

But the older generation, those who are from 41 to 50 years old, seemed to trust the traditional media more than the new media.

"Realising how powerful the new media is, the opposition parties have used the opportunity since 1998 when the Internet started to penetrate the country.

"In the mid 2000, the opposition had more than 7,500 blogs and websites while the government had only three," ...

(*New Straits Times*, 2 April 2008)

Media baru melalui kandungan dan budaya informasi yang plural sudah benar-benar mengemukakan suatu proses perubahan dalam kepercayaan sama ada terhadap makna, bentuk, kandungan mahupun teori-teori baik kewartawanan, komunikasi, media (Winter, Hepp, Kotz, 2008: 267-281) termasuk *cultural studies* dan *future studies*. Sebagai contoh, rujukan terhadap data daripada pendapat publik

sudah menjadi daif dan bersifat mikro kesan dari pembentukan informasi non-henti oleh Internet.

Blogosfera berkembang sebagai institusi media baru yang paling mengesankan dalam membentuk perubahan-perubahan dalam pola-pola pemikiran dan kebudayaan ekopolisial sejagat (Packer, 2004). Weblog alias blog mungkin berdasarkan statistik tersebut kelihatan masih minoriti berbanding populasi namun dalam pengujian *future studies* serta petunjuk suku pertama tahun 2008 jelas menghuraikan blog akan menjadi kuasa media yang sangat kuat. Malah bermula pada 2004 itu juga, berasaskan pengalaman perubahan mediasfera di Amerika Syarikat dan Eropah, sebagai negara tertinggi kecapaian Internet, sudah ada aliran di mana media tradisi mengambil dan menggunakan informasi yang tersebar melalui blog sebagai sumber utama; *during the months preceding the election, there were several cases in which political blogs served to complement mainstream media by either breaking stories first or by fact-checking news stories* (politics.blogpulse.com).

Jadual 4:

Statistik gunaan Internet + blog + media baru perbandingan dengan populasi penduduk 10 negara tertinggi gunaan bagi tempoh Januari—Mac 2008

Indeks Gunaan Internet Dunia dan Statistik Penggunaan Blog						
Negara	Populasi	Gunaan Internet 2008	Peratus Gunaan Blog (Aktif)	Peratus Pembacaan Blog	Peratus Gunaan Media Baru	Future Studies 2010-2015
Kesatuan Eropah	490,430,321	273,234,619	1,544,400	135,671,900	73%	235%
Amerika Syarikat	301,139,947	237,168,545	987,965	123,099,200	56%	126%
Indonesia	234,693,997	20,000,000	876,718	101,897,600	39%	550%
Malaysia	24,821,286	14,904,000	591,875	36,990,100	69%	350%
India	1,129,866,154	60,000,000	526,779	27,440,100	28%	1500%
China	1,321,851,888	210,000,000	479,770	27,000,000	31%	2300%
Asia Barat	197,090,443	41,939,200	478,365	24,550,500	43%	600%
Rusia	141,377,752	29,400,000	465,709	23,000,200	18%	150%
Iran	65,397,521	18,000,000	453,997	21,990,000	17%	260&
Filipina	91,077,287	14,000,000	354,239	20,855,300	11%	108%

Sumber: Zentrum Future Studies Malaysia (www.zentrum.uni.cc), Miniwatts Marketing Group, Google Directory, Pew Internet and American Life Projects, NetFactual.com, dan Global Reach


Ini dapat dirujuk dari kebangkitan blog sebagai kuasa media alternatif dalam PRU12 di Malaysia pada 8 Mac 2008 lalu. Kajian yang dilakukan oleh Zentrum Future

Studies Malaysia mendapati bahawa hampir 70 peratus keputusan PRU12 adalah dipengaruhi oleh lingkaran informasi dibentuk, dan hegemonia pluralisme dengan pengaruh-pengaruh artikulasi, sensasi dan spekulasi dicitrakan sebagai informasi yang benar (Cederman, 2003: 135-150), dan melalui proses pengukuhan wacana-wacana secara integratif dan konstruksi secara mengaktifkan keupayaan jentera ‘hyperlink’ sebagai sumber pembuktian dan pengesahan, *this reduces the need for bloggers at the top of the link structure to engage in “police patrol” to gather information on their own* (McCubbins dan Schwartz, 1984: 165-179). Blog telah menghasilkan suatu lingkaran kepercayaan baru atau blogosfera, yang bukan sahaja tidak bergantung lagi pada prinsip-prinsip asas komunikasi seperti autoritarian dan afektif (Ashlin dan Ladle, 2006: 312, 201), sebaliknya hukum ‘kecepatan membuat informasi dan membentuk kepercayaan’ seperti memenuhi hukum retorik klasik iaitu mendayung daya apa sahaja dalam mencapai pembujukan, maka blog adalah substantif dan plural. Kesan dari PRU12 di Malaysia akan mempengaruhi perubahan-perubahan fungsi dan kandungan media seterusnya pembentukan kepercayaan dan kesan-kesan dalam renstra ekoposial ASEAN.

Rajah 5:

Rumusan Future Studies Pola-pola Mozaik Pemilihan Generasi Baru (21 tahun – 41 tahun) dalam PRU12 berdasarkan 1500 responden yang dikaji pada 20 Februari 2008 – 5 Mac 2008

Analisis strata kepercayaan terhadap media – perbandingan skala budiman atas nilai negatif dan nilai positif



Sumber: Zentrum Future Studies Malaysia (www.zentrum.uni.cc)

Kebangkitan blogosfera dalam mediasfera, khususnya dalam memberi persaingan terhadap kredibiliti media tradisi, khususnya media perdana yang sering terkait sebagai sumber propaganda pemerintah (merujuk kepada media perdana di ASEAN) yang kebanyakannya pemilikan organisasi media tradisi adalah yang berhubung kait dengan kepentingan pemerintah adalah sikap demokratis yang terbentuk dalam sistem dan kandungan media baru, misalnya blog. Demokratis, keterbukaan dan kuasa informasi yang ada pada blog, yang memisahkannya dengan media tradisi dan membentuk pluralisme ialah; blog adalah fenomena jaringan berasaskan ‘hiperlink (*hyperlink*)’ atau *lintasraya*. Lintasraya antara blog termasuk situs terdiri dari TIGA bentuk. Pertamanya, setiap blog dan pemiliknya atau bloguis akan menempatkan ‘blogroll’ atau lintasraya langsung ke senarai blog-blog yang sering menjadi sumber pembacaan, rujukan atau kenalan komuniti yang saling menyokong pandangan dengan memudahkan proses akses kerana lintasraya tersebut telah dihubungkan ke alamat situs/URL blog berkenaan. Blogroll akan mempercepat asosiasi informasi dan proses pembentukan informasi melalui pembinaan graviti komuniti dalam kepelbagaiannya cara menguruskan informasi. Keduanya, bloguis mungkin menulis atau menginformasikan sesuatu topik atau isu yang spesifik yang kandungannya pada beberapa bahagian, atau perkataan tertentu telah dilintasrayakan ke sumber informasi atau blog-blog terujuk, atau yang turut mengulas isu yang berkenaan. Cara ini akan menempatkan artikulasi dan spekulasi mahupun wacana yang bersifat sensasi akan menjadi sumber yang kuat, kerana kepelbagaiannya sumber asas informasi serta penjelasan-penjelasan terkemudian. Ketiganya, sistem RSS Feed (*Really Simple Syndication*) ialah suatu zon kompleks ringkasan informasi atau kandungan blog yang boleh diakses atau dibaca atau diterima dalam pelbagai cara dan sistem; *RSS is a format for syndicating news and the content of news-like sites, including major news sites like Wired, news-oriented community sites like Slashdot, and personal weblogs. But it's not just for news. Pretty much anything that can be broken down into discrete items can be syndicated via RSS: the “recent changes” page of a wiki, a changelog of CVS checkins, even the revision history of a book. Once information about each item is in RSS format, an RSS-aware program can check the feed for changes and react to the changes in an appropriate way* (Pilgrim, 2002).

Lintasraya/hiperlink telah menjadi fenomena luar biasa dalam perusahaan media baru. Blog pula muncul sebagai medium yang memanipulasi keseluruhan upadaya ‘link’ untuk muncul sebagai suatu bentuk media yang paling cekap dan tangkas menguruskan informasi terutama dalam membentuk kepercayaan cara bekerja media baru adalah ‘informasi dibentuk’. Kecepatan membentuk informasi akan menambahkan kekuatan untuk menguasai komunikasi dan zon-zon maklumat, seterusnya akan menguasai isu ekoposial. ‘Link’ adalah sumber kuasa blogosfera; *[t]he most reliable way to gain traffic [readership]* (Blood, 2002: 98). Atau disebut oleh John Katz, *the weblog has enormous consequences for media, marketing, community, and what we used to call journalism. In her readable and useful handbook, Rebecca Blood has written one of the first—and by far the best—explanations of why we should care about this vibrant, organic and fiercely individualistic community. Whether you want to start one, join one, or understand the many profound implications of the blog, this book is the best place to start.* Dalam keadaan media tradisi (seksyen demikian?) dikawal dan terkawal maka dalam abad 21 saitek informasi telah berkembang pada tahap mencapai maksimum dalam menjayakan proses penyaluran maklumat tanpa batas, tanpa

sempadan maka keinginan untuk mempunyai sebuah maya yang membolehkan segala keinginan untuk menerima dan menyampai, serta berkongsi informasi akan mendadak. Maka peluang ini akan disambar sepenuhnya oleh media baru, seperti blog, dan media ini akan menguruskan informasi dengan sistem yang mereka ada iaitu pluralisme. Menjelang 2015, blogosfera akan mengukuhkan sistemnya sehingga menjadi pemacu utama mediasfera meninggalkan media tradisi sebagai saluran alternatif pula.

The editorial process of the blogs takes places between and among bloggers, in public, in real time, with fully annotated cross-links.

(Rosenberg, 2002: 1-2)

Hegemonia blogosfera adalah suatu bentuk peristiwa *future studies* yang akan merubah geoekoposial Asia Tenggara, secara mikronya telah ditunjukkan oleh kepesatan kecapaian Internet dan peningkatan lingkaran blogosfera sehingga beberapa negara ASEAN/Asia Tenggara, iaitu Indonesia, Malaysia dan Filipina berada di dalam 10 negara paling tinggi pemilikan blog dan penggunaan blog sebagai sumber informasi. Hipotesis untuk mengatakan blog dan media baru akan mendepani percaturan ekoposial Asia Tenggara pada masa akan datang sudah terlihat dalam katastrofi bencana di Myanmar. Dalam keadaan informasi terbatas dan terhalang oleh sikap politik para junta, pendedahan tentang penderitaan dan juga pembentukan lingkaran tanggungjawab sosial di peringkat antarabangsa tersangat merebak, dan hampir kesemuanya dipimpin oleh para bloguis melalui rangkaian blog mereka seperti blog *Wissenschaft-Café: Die Wissenschaft der Blogosphäre* (www.wissenschafts-cafe.net/), *Preassuere Release Valve* (<http://pressurereleasevalve.blogspot.com>), *A Blog For All* (lawhawk.blogspot.com), *Scott's Propaganda* (www.scottoverpeck.com), *The Truth* (rightisright111.blogspot.com) dan kesan pluralisme sudah mula kelihatan dengan penentangan antarabangsa terhadap junta Myanmar.

Blog dan media baru, ekosistem informasinya begitu mikro maka proses membentuk perubahan juga akan terjadi secara mikro, dan setelah perubahan terbentuk atau terhasil kelangsungannya adalah makro sekali. Ini kerana pluralisme telah menyebabkan kondisi informasi tidak lagi stagnan, sebaliknya sentiasa memperoleh pembaharuan wacana, makna dan sumber sekali gus akan menyebabkan aliran pembentukan semula kepercayaan terhadap informasi oleh masyarakat begitu cepat (Hargrave, 2004: 1-3).

[T]he virtue of speed isn't simply, or even primarily, that you can scoop the competition. It's that you can post something and provoke a quick response and counter-response, as well as research by readers. The collective brain works faster, firing with more synapses. In theory, "faster" can mean "fast enough to have real-world consequences" that print journalism or even edited Web journalism can't have.

(Mickey Kaus, 2003: 17-21)

Blogosfera akan lebih meluas menjelang 2010 apabila gajet-gajet saitek teknologi multimedia seperti iPod, iPhone, smartphone, iBook dan Notebook, EyeMove PC, Scarpar, 3D Video Game, iPhot Frame dan lain-lain akan berintegratif dengan Internet, dan semua sistem sibersfera termasuk blog. Blog pula akan mempunyai fungsi-fungsi lebih meluas, iaitu selain penulisan, akan tersambung secara automatis bentuk Podcast, Videocast dan Photocast, di samping lintasraya akan beroperasi secara wikipedia, iaitu langsung ke sumber-sumber yang terkait berdasarkan petikan popular dan isu popular. Lalu suasana atau environmen media telah berubah sama sekali, dengan informasi menjadi lebih plural dan pantas (Smolkin, 2004: 100-111)

Revolusi bentuk, sistem mahupun makna pada ciri-ciri politik, ekonomi, dan sosial di negara-negara ASEAN menjelang 2009 adalah kesan dari peranan yang sudah pun bermula di sepanjang 2008 ini. Dinamisme media baru akan mencipta kemungkinan-kemungkinan perubahan kepercayaan dan membentuk nilai, budaya dan kepercayaan baru dari aspek ekposisial tadi, yang juga kesan langsung dari keberadaan media tradisi yang bukan dominan lagi. Sistem politik dan organisasi kepolitikan negara ASEAN akan turut berubah dan cara menguruskan kepolitikan misalnya adalah akan turut mengikuti pola-pola yang terbentuk oleh pengaruh media baru.

KESIMPULAN

What you get here—as with any blog—is my idiosyncratic selection of things that interest me, as I have time to note them, with my own idiosyncratic comments. What's more, to the (large) extent that it's shaped by my effort to play up stories that Big Media are ignoring, it's even more idiosyncratic. I hope you like it, but making it your sole source of news is probably not a good idea.

(Reynold, 2003)

Kedudukan media baru, khususnya Internet dalam mengadiluhung ekposisial negara-negara dunia, termasuk ASEAN pada masa depan tidak dapat disangkal kerana dalam abad penunjangan informasi terhadap semua prakarsa dan renstra penghidupan tentunya sistem dan kandungan yang ada pada media baru akan menjadi suatu gerakan paling kuat dalam merekayasa maupun mendayacipta segala macam perubahan masa depan itu. Isu kemikroan atau kemakroan perubahan tersebut adalah bukan suatu perkara yang dominan untuk diperkatakan, sebaliknya pengaruh dari media baru benar-benar telah berfungsi bukan sekadar mekanisme tetapi kebangkitan tamadun baru dengan semua ruang yang membatas, dan peluang yang menghalang telah tidak ada, sebaliknya semua sistem mula berfungsi secara terbuka, bebas dan plural. Sikap media baru dengan metodologi ‘informasi dibentuk’ telah meluaskan lagi keupayaan informasi menguasai pengurusan ekposisial terutama di dalam menstrukturkan kepercayaan, dan struktur itu adalah tidak stagnan sebaliknya sentiasa berkembang.

The Internet can be seen as an interactive playground for the politically engaged. Through the use of blogs, online magazines, journals, newspapers, and even online broadcast news sites the Internet offers its audience information about everything from almost every different view point, but what is even more impressive is that its audience can talk back. In Micheal X Delli Carpini and Bruce A Williams article "Constructing Public Opinion: The Use of Fictional and Non Fictional Televisyenon in Conversation about the Environment", they explain an on going conversation that happens between the televisyenon and its viewer. This conversation happens when a viewer listens to the televisyenon and then verbally or non verbally form responses to what they have just heard, but with in broadcast media there is a major limitation as the televisyenon cannot hear those responses. They cannot adjust or answer questions based on their viewers responses. The only opportunity for this is through focus group that take months to get back and may represent a small sample of its viewers. The Internet, however, allows for this conversation to continue on. Through blog wall postings, chat rooms, and email, the media source can evaluate its audiences reaction and adjust its material, or answer questions on material that maybe unclear. Old media is set up in a lecture style setting where the outlet is the teacher putting out whatever information it feel necessary and the viewers are students unable to even ask question. However, new media is more discussion based, where the teacher or the media outlet is there to frame the conversation, clear up any misconceptions, and offer up to date information and the viewer plays a student who is able to share his opinions and understandings of the information he has received.

(Charness & Olley, 2004: 416-433)

Negara-negara ASEAN akan memasuki zaman perubahan dan persaingan politik, ekonomi dan sosial bermula 2008 ini, dan di sepanjang 2009 sehingga 2010 kesan dari ledakan teknologi maklumat dan perkembangan pesat perusahaan media baru. Impaknya bukan sahaja terhadap perubahan bentuk dan kandungan media, sebaliknya pasaran industri kandungan juga akan mengalami pertumbuhan luar jangkaan, dengan keperluan atau permintaan terhadap sumber manusia atau modal insan turut meningkat sebanyak 210% iaitu seramai 8 juta di seluruh ASEAN, dengan Malaysia sendiri masih memerlukan lebih kurang 35000 dari 280000 tersedia ada sekarang ini; dan Indonesia memerlukan hampir 1.3 juta tenaga mahir dan separuh mahir dalam bidang IT dan media baru menjelang 2011 (ZENTRUM, Atlas of Cyberspaces, 2008). Ini belum dihitung keperluan mikro pembangunan pemikiran mediasfera baru, terutama renstra pembinaan negara berdasarkan teknologi maklumat selari dengan perkembangan retorik informasi sedunia. Retorik informasi yang menghempas percaturan politik internasional bermula dengan sengketa Perang Teluk Pertama sehingga retorik *Weapon Mass Destruction* (WMD) yang membawa pencerobohan dan penjajahan Amerika Syarikat di Iraq, serta perkembangan tidak menentu retorik nuklear antara Amerika Syarikat dengan Iran; adalah contoh-contoh peperangan informasi yang terjadi lewat perkembangan media baru. Untuk tidak terus menjadi zon yang tersingkir dari persaingan tersebut, khususnya pada era-era akan terjadinya krisis dan katastrofi paling mengancam kehidupan iaitu 'Perang Makanan dan Air' adalah menjadi strategi yang sangat

baik buat negara-negara ASEAN untuk mendepani persaingan informasi dan menguasai pembentukan informasi.

Suatu bentuk renstra jangka pendek dan jangka panjang perlu dibina dari sekarang di peringkat nasional dan kesatuan ASEAN untuk membangunkan kesepakatan dan kerjasama dalam pembangunan industri informasi, termasuk perusahaan multimedia dan digital sekali gus mewujudkan kerjasama dalam pembentukan polisi-polisi yang membolehkan kesepakatan antara pesisir, provinsi dan sempadan serta di peringkat pendidikan. Dalam zaman yang komunikasi dan informasi begitu plural sudah tentu proses untuk mengurangkan kebergantungan dan kepercayaan terhadap singularisme hendaklah dikurangkan, meski kepentingan untuk memelihara kerukunan nilai, budaya dan agama sebagai asas peradaban setiap bangsa dan negara ASEAN namun pada waktu yang sama hendaklah meletakkan kepedulian untuk membangunkan segala kemungkinan infrastruktur bagi membolehkan pembangunan media baru berjalan dengan sempurna memandangkan keperluan besarnya dalam menempatkan ASEAN sebagai region paling berjaya.

Tidak perlu sekat laman blog

KUALA LUMPUR 2 April - Kerajaan tidak harus mengenakan sekatan ke atas blog tetapi perlu bersikap terbuka terhadap laman tersebut, kata Pensyarah Jabatan Media Universiti Malaya, Dr. Abu Hassan Hasbullah. Beliau berkata, ini kerana satu gelombang besar politik mungkin akan berlaku sekiranya sekatan dikenakan ke atas laman-laman blog yang wujud pada masa ini. "Kemunculan blog ini merupakan satu perubahan budaya baru dalam bidang media yang berlaku di seluruh dunia yang tidak dapat dielak. "Sekiranya ia disekat, maka akan menimbulkan ketidakpuasan dan mungkin akan membawa kesan yang dahsyat kepada para pemimpin," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini. Abu Hassan berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai satu kajian yang menunjukkan terdapat hampir 500,000 blog yang aktif dalam negara. Katanya, kekalahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya baru-baru ini sebahagian besarnya disebabkan pendapat beberapa pemimpin yang berhasrat untuk menyekat laman-laman blog itu. "Kita harus bersikap terbuka dan biarkan masyarakat yang menilaikannya. Tindakan mengenakan kawalan ke atasnya hanya akan membawa kepada keburukan yang tidak diingini..."

(*Utusan Malaysia*, 2 April 2008)

RUJUKAN

- Abu Hassan Hasbullah. 2007. Filem biografi: Tuntutan dalam sinema melayu". Dlm. *Penerbitan Biografi Di Malaysia*, ed. Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abu Hassan Hasbullah. 2007. Filem sebagai lensa identiti budaya - potret remaja dalam filem-filem Malaysia dari perspektif future studies. Dlm. *Budaya Serumpun Mendepani Globalisasi*, ed. Mohamad Saleeh Rahamad, Saifullizan

- Yahaya, Shamsudin Othman, S M Zakir. Kuala Lumpur: PENA, DBP dan KeKKWa.
- Abu Hassan Hasbullah. 2006. Industri wayang gambar Melayu: Renstra mengadiluhung kesepakatan pendidikan, perusahaan dan pemasaran - prakarsa *future studies* negara Melayu serantau. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Volume 6, No 1.
- Abu Hassan Hasbullah. 2006. Wayang gambar: Menelaah scene sejarah perkembangan, sempadan teori dan studi masa depan. Dlm. *Media Di Malaysia: Mendukung Citra Bangsa*, ed. Hamedi Mohd Adnan & Rahman Shaari. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Abu Hassan Hasbullah. 1998. Pengukuhan ilmu retorik dalam pengajian media era siberisme". *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Jilid 1, No 1.
- Abu Hassan Hasbullah. 2000. Sinema realisme: Representasi dan reproduksi realiti. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Volume 3, No 1.
- Ashlin, Allison dan Richard J Ladle. 2006. Environmental science adrift in the blogosphere. *Science*. 312.
- Åström, J. 2004. Digital democracy: ideas, intentions and initiatives in Swedish local governments. Dlm. *Electronic Democracy: Mobilisation, Organisation and Participation via New ICTs*, ed. R K Gibson, A Römmele & SJ Ward. London: Routledge.
- Barabási, A. 2002. Power law distribution of the world wide web. *Science*, 287.
- Blood, Rebecca. 2002. *The Weblog Handbook*. New York: Perseus Book.
- Boutin, P. 2004. Net-savvy campaign boosts bush. Dlm. WIRED. www.wired.com/news/politics/0,1283,63942,00.html
- Braman, Sandra & Sreberny-Mohammadi, Annabelle (ed). 1996. *Globalization, Communication and Transnational Civil Society*. New Jersey: Hampton Press, IAMCR series.
- Bronner, Stephen dan Douglas Kellner. 1989. *Critical Theory and Society: A Reader*. New York: Routledge.
- Carey, James. 1989. *Communication as Culture*. Boston: Unwin Hyman.
- Cederman, Lars-Erik. 2003. Modelling the size of wars: From billiard balls to sandpiles. *American Political Science Review*. 97.
- Charles, Stewart (ed). 2007. *Creolization: History, Ethnography, Theory*. Tucson: University of Arizona Press.
- Charness, Neil dan Patricia Holley. 2004. The new media and older adults: Usable and useful? *The American Behavioral Scientist*. Vol 48, Issue 4. Disember.
- Dahlgren, Peter. 2000. The transformation of democracy? Dlm *New Media and Politics*, ed. B Axford dan R Huggins. London: SAGE Publications.
- Drakos, Nikod dan Ross Moore. n.d. Multiplism, singularism and cultural entities. www.hum.utah.edu/~phanna/classes/phil5480/webpostings/interpandontol/node6.html
- Fan D P, Jasperson, A, Shah, D V, Watts, M, dan Faber, R. 1998. Framing and the public agenda: Media effects on the importance of the federal budget deficit. *Political Communication*. Volume 15.

- Friedman, Alan. 1993. *Spider's Web*. New York: Bantam Books,
- Girard, Monique, & David Stark. 2006. Socio-technologies of assembly: sense-making and demonstration in rebuilding lower Manhattan. Dlm *Governance and Information: The Rewiring of Governing and Deliberation in the 21st Century*, ed. David Lazer dan Viktor Mayer-Schoenberger. New York dan Oxford: Oxford University Press.
- Golding, Peter dan Murdock, Graham. 2000. Culture, Communications and Political Economy". Dlm *Mass Media and Society*. ed. James Curran dan Michael Gurevitch. London: Arnold,
- Habermas, Jürgen. 2003. Toward a cosmopolitan Europe: Making sense of the EU". *Journal of Democracy*, 14(4).
- Habermas, Jürgen. 1989. *The Structural Transformation of the Public Sphere: An Inquiry Into a Category of Bourgeois Society*, Cambridge, Massachusetts: MIT Press.
- Hargrave, Sean. 2004. The blog buster. *The Guardian*. 9 Ogos.
- Hindmann, M, K Tsoutsouliklis dan J Johnson. 2003. Googlearchy: How a few heavily-linked sites dominate politics online. Kertas kerja di Seminar American Political Science Association. August. Philadelphia.
- Jankowski, N W, dan M Van Selm, M. 2007. Research ethics in a virtual world: Guidelines an illustrations. Dlm *Media Technologies and Democracy in an Enlarged Europe. The Intellectual Work of the 2007 European Media and Communication Doctoral Summer School*, ed. N Carpentier, P Pruulmann-Vengerfeldt, K Nordenstreng, M Hartmann, P Vihalemm, B Cammaerts, & H Nieminen. Tartu: University of Tartu Press, 2007
- Kaus, Mickey. 2003. The case agains editors. *Slate*, 28 Oktober.
- Margolis, M dan Resnick, D. 2000. *Politics as Usual: The Cyberspace Revolution*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Minerva, Etzioni A. 1972. An electronic town hall. *Policy Sciences*. Volume 3.
- Needham, Catherine. 2004. The citizen as consumer: E-government in the United Kingdom and the United States. Dlm. *Electronic Democracy: Mobilisation, Organisation and Participation via New ICTs*, ed. R K Gibson, A Römmele & S J Ward. London: Routledge,
- Packer, G. 2004. The revolution will not be blogged. *Mother Jones*. May-June.
- Pilgrim, Mark. 2002. What is RSS. www.xml.com/pub/a/2002/12/18/dive-into-xml.html. 18.12.2002
- Reynolds, G. 2003. Earlier I mentioned this post. *Instapundit.com* instapundit.com/archives/011775.php. 1 Oktober.
- Rosenberg, Scott. 2002. Much ado about blogging. Is it the end of journalism as we know it? Or just 6 zillion writers in search of an editor? Neither. *Salon*. 10 Mei.
- Slaatta, T & Sæbø, G. 1997. Makten og Hernes i evighet. *Norsk Medietidsskrift*, No. 1. Oslo: Novus Forlag,
- Smolkin, Rachel. 2004. The expanding blogosphere. *American Journalism Review*, 14.

- Splichal, S. 1999. *Public Opinion: Developments and Controversies in the Twentieth Century*. Boston: Rowman & Littlefield.
- Tehranian, M. 1990. *Technologies of Power: Information Machines and Democratic Prospects*. Norwood: Ablex.
- Winter, Carsten, Andreas Hepp dan Friedrich Krotz (ed). 2008. *Theorien –der Kommunikations – und Medienschwissenschaft*. Wiesbaden: GWV Fachverlage GmbH.
- <http://en.wikipedia.org/wiki/Weblog>
- <http://personalpages.manchester.ac.uk/staff/m.dodge/cybergeography//atlas/atlas.html>
- http://politics.blogpulse.com/04_11_04/politics.html
- <http://www.alwayson.goingon.com/>
- <http://www.eiuresources.com/mediadir/default.asp?PR=2008041001>
- http://www.nst.com.my/Current_News/NST/Wednesday/National/2201860/Article/index_html
- http://www.pewInternet.org/pddfs/PIP_blogging_data.pdf
- http://www.pewInternet.org/PPF/r/144/report_display.asp
- <http://www.rebeccablood.net/handbook/>
- <http://www.signandsight.com/features/676.html>
- <http://www.slideshare.net/ernohannink/the-history-of-blogs/>
- <http://www.socialtext.com>